

27 MAY 2003

UDA SEDANG TERIMA MAKLUMAT BALAS PROJEK TEBUS GUNA TANAH TANJUNG TOKONG

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Uda Holdings Berhad sedang dalam proses menerima maklumat balas daripada pihak berkuasa tempatan berhubung kelulusan pelan rancangan kawasan tebus guna tanah seluas 54.28 ekar di Tanjung Tokong, Pulau Pinang.

Uda berkata kelulusan itu dijangka diperolehi hujung Jun ini.

Cadangan pembangunan itu merangkumi 384 unit rumah pangsa bagi tujuan penempatan semula penduduk Tanjung Tokong, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Tokong pada Sabtu lalu.

-- BERNAMA

HM HM